JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA
DITERIMA
L2
03 JAN 2001
UNIT PERPUSTAKAAN

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 44
No. 24

**23hb November 2000**

*TAMBAHAN No. 125*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 425.**

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 26) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 26) 2000.**

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, "institusi bank" ertinya bank, syarikat kewangan atau bank saudagar yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*].

**Pengecualian**

3. *(a)* Menteri mengecualikan semua surat cara daripada pembayaran duti setem menurut suatu skim percantuman institusi bank yang disempurnakan antara 24 Oktober 1998 sehingga 31 Ogos 2000.

*(b)* Penyempurnaan skim percantuman adalah pada tarikh Bank Negara Malaysia menerima perjanjian jual beli atau perjanjian jual beli bersyarat yang telah ditandatangani oleh institusi bank yang relevan bagi tujuan percantuman.

**P.U. (A) 426.**

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No. 5) 2000.**

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, "institusi bank" ertinya bank, syarikat kewangan atau bank saudagar yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*].

**Pengecualian**

3. *(a)* Menteri mengecualikan mana-mana institusi bank daripada pembayaran cukai keuntungan harta tanah berkenaan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas pelupusan segala aset yang boleh dikenakan cukai menurut suatu skim percantuman institusi bank yang disempurnakan antara 24 Oktober 1998 sehingga 31 Ogos 2000.

*(b)* Penyempurnaan skim percantuman adalah pada tarikh Bank Negara Malaysia menerima perjanjian jual beli atau perjanjian jual beli bersyarat yang telah ditandatangani oleh institusi bank yang relevan bagi tujuan percantuman.

**Pembatalan**

4. Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No. 4) 1999 [*P.U. (A) 117/1999*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 1 April 1999 dibatalkan.

Dibuat 22 November 2000.
[Perb. CR(8.09)248/39/7-95; LHDN. 01/35(S)/42/51/231/7; PN(PU$^2$)325/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

CHAN KONG CHOY
*Timbalan Menteri Kewangan*

[*Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 9(4) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976*]

REAL PROPERTY GAINS TAX ACT 1976

REAL PROPERTY GAINS TAX (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2000

IN exercise of the powers conferred by subsection 9(3) of the Real Property Gains Tax Act 1976 [*Act 169*], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Real Property Gains Tax (Exemption) (No. 5) Order 2000.**

**Interpretation**

2. In this Order, "banking institution" means a bank, a finance company or a merchant bank licensed under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [*Act 372*].

**Exemption**

3. *(a)* The Minister exempts any banking institution from payment of real property gains tax in respect of the chargeable gains accruing on the disposal of all chargeable assets pursuant to a scheme of merger of banking institutions which is completed between 24 October 1998 until 31 August 2000.

*(b)* The completion of the merger scheme is on the date that Bank Negara Malaysia receives the sale and purchase agreement or the conditional sale and purchase agreement signed by the relevant banking institutions for the purpose of the merger.

**Revocation**

4. The Real Property Gains Tax (Exemption) (No. 4) Order 1999 [*P.U. (A) 117/1999*] published in the *Gazette* on 1 April 1999 is revoked.

Made 22 November 2000.
[Perb. CR(8.09)248/39/7-95; LHDN. 01/35(S)/42/51/231/7; PN(PU$^2$)325/II]

On behalf and in the name of the Minister of Finance,

CHAN KONG CHOY
*Deputy Minister of Finance*

[*To be laid before the Dewan Rakyat persuant to subsection 9(4) of the Real Property Gains Tax Act 1976*]

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA